



Pembaziran ilmu kerugian tidak disedari

Pengetahuan boleh berkembang jika disebar untuk manfaat bersama

APABILA menyebut mengenai pembaziran, kita sering beranggapan perbuatan membazir ialah apabila tidak berhemah dalam berbelanja. Bentuk pembaziran pula ialah tidak berjimat cermat dalam penggunaan wang ringgit, tenaga dan masa.

Jelasnya, perbuatan membazir tidak akan memberi kebaikan, bahkan menjadikan kita sentiasa dalam kerugian. Justeru, kita haruslah sentiasa membuat pertimbangan yang adil sebelum melakukan sesuatu supaya setiap perbuatan kita mengambil kira untung dan rugi.

Rasulullah SAW sangat bertegas mengenai pembaziran walaupun sewaktu melakukan perkara baik jika tidak digunakan pada tempatnya. Rasulullah SAW bersabda kepada Saad bin Abi Waqqas ketika beliau berwuduk yang bermaksud: "Dari-pada Abdullah bin Amru bin Al-'As bahawa Rasulullah SAW lalu berdekatan Saad yang sedang berwuduk. Baginda bersabda: Pembaziran jenis apakah ini, wahai Saad? Maka Saad berkata: Dalam wuduk pun ada pembaziran? Rasulullah SAW menjawab: Ya, walaupun kamu berwuduk dalam sungai yang sedang mengalir." (Hadis Riwayat Ibnu Majah dan Ahmad)

Menurut Imam Syafie, pembaziran ialah apabila kita menggunakan harta benda bukan pada tempatnya merangkumi tenaga dan masa yang juga 'harta' sepatutnya dimanfaatkan sebaik mungkin supaya setiap apa kita lakukan menjadi manfaat serta bukannya mudarat.

Sifat boros dan membazir sukar dikikis kerana tabiat yang beraja, walhal ia tidak sesukar mana, asalkan ada iltizam tinggi untuk memutuskan silaturahmi dengan syaitan durjana.

Allah berfirman yang bermaksud: "Sesungguhnya orang yang boros itu saudara syaitan, sedang syaitan itu pula makhluk yang sangat kufur



GAMBAR HIASAN

ILMU jika dikongsi akan bertambah terutama jika diamalkan.

kepada Tuhannya." (Surah Al-Isra', ayat 27)

Hari ini, ada segelintir manusia yang membazirkan ilmu pengetahuan. Mereka ini termasuklah sesiapa saja yang tidak menggunakan ilmu yang ada pada dirinya untuk jalan kebaikan. Ilmu yang ada tidak dimanfaatkan, tidak diamalkan atau gunakan untuk mengenankan orang lain pula.

Ramai yang tidak menyedari hakikat ini dan tidak menghargai ilmu penuh di dada, justeru, mereka membiarkan ilmu menjadi usang sekali gus tidak dapat mencari jalan keluar daripada kesesatan. Begitu juga yang 'membelanjakan' ilmu pengetahuan untuk menyesatkan orang lain.

Pembaziran ilmu boleh menjurus kepada pembaziran hati, akal dan amalan. Pembaziran hati berlaku



apabila segenap ruang di dalamnya tidak dipenuhi dengan cinta dan kasih kepada Allah SWT serta kekasih-Nya.

Apabila hati tidak menyintai Allah SWT, ada kemungkinan hati akan

menyintai selain daripada Allah SWT, hatta menyintai manusia yang tidak dicintai Allah dan berkorban jiwa raga kerananya.

Tidak salah mencurahkan ilmu yang banyak untuk tujuan pengajaran, bahkan itulah yang mencukupkan keperluan orang lain. Lagi banyak ilmu dikongsi, tentulah melimpah dan bertambah pula ilmu diri sendiri.

Dalam konteks ini, pembaziran bukanlah apabila ilmu 'dibelanjakan' dengan banyak, tetapi apabila ilmu yang ada tidak mampu membantu hati untuk menyintai Allah SWT. Walaupun ilmu adalah jalan keluar daripada kesesatan, ada kalanya ilmu hanya menjadi bekalan yang basi.

Sudahnya, hati tidak mampu juga mengasihi Dia. Akibat daripada hati yang renggang dengan-Nya, manusia

akan berbuat apa saja, termasuklah mempermainkan agama.

Seterusnya, ilmu dibazirkan apabila akal tidak mampu memikirkan perkara yang boleh memberi kebaikan kepada agama. Apabila hal ini berlaku, seseorang yang berilmu akan tandus akhlak dan sifat takwanya kepada Allah.

Ia amat berbahaya, kerana ilmu akan dipandu untuk menyesatkan diri sendiri dan orang lain. Hari ini, di mana juga terdapat bijak pandai yang tidak dapat melihat cahaya di bawah simbahannya matahari, kerana hanya mata yang mencarinya, bukan ilmu.

Sedangkan jika mereka berfikir, pasti mereka akan faham bahawa cahaya yang dijadikan Allah SWT itulah yang menjadikan mereka melihat dan dilihat. Lebih malang lagi, mereka menyampaikan kepada orang lain bahawa cahaya itu tidak perlu dilihat kerana ia tidak menguntungkan sesiapa.

Pembaziran amalan pula berlaku apabila setiap perbuatan baik tidak dilakukan dengan ikhlas. Ia berpunca daripada pembaziran ilmu juga. Apabila ilmu tidak mampu menerajui hati dan akal, maka amalan akan terus dibazirkan, malah itulah yang menyebabkan hidup manusia sia-sia.

Justeru, kita haruslah berhemah dalam mengurus ilmu. Jangan kita bazirkan ilmu dengan membiarkannya diam bermukim dalam diri, tidak memanfaatkannya untuk diri sendiri mahupun orang lain.

Curahkanlah pengetahuan kepada mereka yang berhak ke atasnya, tetapi pada masa sama harus sentiasa teliti dan berhati-hati supaya ilmu yang disampaikan tidak menjeratkan kita ke dalam perangkap dosa serta kemungkinan.

Penulis ialah Pensyarah Kanan
Fakulti Syariah dan Undang-Undang,
Universiti Sains Islam Malaysia.